

01/10/2002

MT tangguh keputusan penggunaan bahasa Inggeris

Kadir Dikoh; Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Tertinggi (MT) Umno, hari ini menangguhkan keputusan berhubung pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris bagi pengajaran mata pelajaran sains dan matematik, mulai tahun depan.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata mesyuarat hari ini ada membincangkan perkara itu dan mendapat pandangan ahli MT.

"Saya akan sampaikan kepada beliau (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) mengenai pandangan yang dikemukakan MT apabila kita bermesyuarat sekali lagi," katanya selepas mesyuarat MT selama kira-kira tiga jam itu.

Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak hadir pada mesyuarat itu kerana menziarahi arwah abangnya, Allahyarham Mashahor yang meninggal dunia di Kedah pagi ini.

Sebelum ini, pelbagai cadangan diterima kerajaan termasuk supaya pengajaran dua subjek itu dalam bahasa Inggeris dimulakan pada peringkat sekolah menengah dan pada tahun empat, serta bukan tahun satu seperti dicadangkan kerajaan.

Parti Gerakan mencadangkan pada peringkat sekolah rendah, bahasa ibunda dikekalkan sebagai bahasa pengantar.

Dalam perkembangan lain, Abdullah berkata, mesyuarat MT tidak membincangkan isu penguatkuasaan visa oleh Kanada terhadap warga Malaysia.

Sementara itu, Abdullah mengumumkan Ketua Menteri Sabah, Datuk Chong Kah Kiat, dipilih sebagai Pengerusi dan Pengarah jentera pilihan raya kecil Parlimen Gaya manakala Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, dilantik sebagai penyelarasan.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Musa Aman, pula akan bekerjasama dengan Muhammad dan mereka akan mewakili Umno dalam jawatankuasa pilihan raya Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya itu.

Abdullah, yang juga Timbalan Pengerusi BN, berkata Badan Perhubungan Umno di Semenanjung akan ditugaskan membantu Umno Sabah menghadapi pilihan raya kecil itu termasuk menjaga peti-peti undi.

"Segala kegiatan membabitkan pilihan raya kecil itu akan diaturkan oleh jawatankuasa atau sekretariat Pengarah Pilihan raya BN Sabah manakala badan perhubungan Umno Semenanjung akan menghantar sebarang bantuan diperlukan sekretariat berkenaan," katanya.

Penamaan calon pilihan raya kecil itu akan diadakan Khamis ini manakala pengundian 12 Oktober ini. Pilihan raya itu diadakan selepas penyandangannya, Datuk Yong Teck Lee hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen, berkuat kuasa 18 September lalu.

Abdullah juga berkata, MT Umno mengucapkan takziah kepada Perdana Menteri berikutan kematian abangnya, Mashahor, hari ini.

Katanya, MT turut mengucapkan takziah kepada keluarga Mashahor. Mesyuarat MT itu dimulakan dengan bacaan al-Fatihah. Mashahor, 79, meninggal dunia di rumahnya di Jalan Kapal Terbang, di Sungai Petani pagi ini.